



9 Ogos 2012  
9 August 2012  
P.U. (A) 249

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENANDAAN HARGA BARANGAN HARGA TERKAWAL) 2012

### *PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (PRICE MARKING OF PRICE-CONTROLLED GOODS) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011**

**PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENANDAAN HARGA  
BARANGAN HARGA TERKAWAL) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Barang Harga Terkawal) 2012**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 12 Ogos 2012 hingga 26 Ogos 2012.

**Penandaan harga**

2. (1) Mana-mana orang yang menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa barang harga terkawal yang disiarkan dalam P.U. (A) 248/2012 hendaklah meletakkan label berwarna merah jambu yang menunjukkan harga bagi setiap unit atau unit timbangan, nama yang memerihalkan barang berkenaan dan gred atau kualiti, sekiranya ada, bagi barang harga terkawal itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subperenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; atau

(b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan, bagi kesalahan kali yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.